KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			



TIING Kiong (baju biru) bersama tiga anaknya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Melaka atas pertuduhan menawarkan projek menggali pasir yang tidak wujud kepada sebuah syarikat. - Gambar NSTP/SYAFEEQ AHMAD

Tawar projek gali pasir tak wujud

Empat beranak terima cek RM1 juta mengaku tidak bersalah

Oleh Nuraliawati Sabri
am@hmetro.com.my

Melaka

Bapa dan tiga anaknya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas pertuduhan menawarkan projek menggali pasir tidak wujud kepada sebuah syarikat.

Tertuduh, Wong Tiing Kiong, 63, bersama anaknya Felix Wong Sing Jie, 27, Wong Sing Kung, 43, dan Amy Wong E Tim, 33, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan terhadap mereka dibacakan jurubahasa mahkamah dalam dua prosiding berasingan.

RM20k
Nilai ikat jamin bagi setiap tertuduh ditetapkan mahkamah

Bagi pertuduhan di hadapan Hakim Nariman Badruddin, Tiing Kiong didakwa membabitkan dua pertuduhan iaitu dengan cubang menipu, mendorong dan memperdayakan sebuah syarikat dengan menawarkan projek menggali pasir tidak wujud.

Ia menyebabkan syarikat itu membuat pembayaran RM1 juta melalui dua cek berasingan di sebuah bank di Melaka Raya pada 17 dan 19 April 2019.

Justeru, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun, denda dan sebat jika sabit kesalahan.

Prosiding pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Anis Najwa Nazari mencadangkan jaminan RM400,000.

Manakala, pada prosiding di hadapan Hakim Maziah Joary Tajudin pula, tiga anaknya yang turut didakwa atas pertuduhan sama juga mengaku tidak bersalah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim.

Mahkamah kemudian membenarkan kesemua tertuduh diikat jamin RM20,000 setiap seorang selain mereka perlu melapor diri setiap bulan di balai polis berhampiran dan menetapkan 21 Februari depan tarikh sebutan semula kes.

Kesemua tertuduh diwakili peguam Paul Krishnaraja.